

Dr M: Seni, budaya cerminan ketamadunan Negara

Malaysiakini

11 Mac 2019

Sesebuah negara bertamadun dibentuk oleh seni dan budaya yang berkembang mekar, dengan sumbangan hebat dan berinovasi, yang membangkitkan kualiti terbaik dalam diri manusia, kata Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata seiring dengan ini, pembangunan sosial ekonomi dan politik turut berkembang.

"Malaysia mewarisi budaya, adat istiadat dan tradisi yang melimpah-limpah semasa penduduknya terdiri daripada pelbagai kaum, kebudayaan dan agama.

"Gandingan unik ini banyak menyumbang kearah kemajuan dan pembangunan sesebuah negara," katanya menerusi rakaman video khas yang disiarkan di majlis makan malam sempena mengalu-alukan Sidang Kemuncak ke-lapan Dunia Seni dan Budaya di Kuala Lumpur hari ini.

Dr Mahathir berkata, ketika ini semasa revolusi teknologi menjengah ke dalam sektor yang berkembang pantas dalam ekonomi dunia, ia juga menyumbang ke arah pertumbuhan kekayaan yang teramat pantas.

Katanya lagi, Malaysia menjelma dari sebuah negara pertanian menjadi negara perindustrian dan kepantasannya meningkat, dan begitu juga dengan materialisme.

"Tetapi Malaysia tidak mahu kehilangan identitinya... Identiti yang dibentuk menerusi kepelbagaian kebudayaan dan keseniannya," katanya dan menambah Malaysia berhasrat untuk memeliharanya, walaupun dengan beberapa pengubahsuaian.

Beliau berkata dunia sedang mengalami satu lagi tempoh transformasi penting dan pembaharuan sentiasa berterusan.

"Secara peribadi, saya telah melalui banyak tempoh perubahan yang bersejarah - dari zaman koloni dan pembinaan negara, perang dan penjajahan, dari telegram kepada instagram, dari Malaysia lama kepada Malaysia baru.

"Perubahan sebenarnya bukanlah perkara yang tidak baik. Gangguan boleh menjadi sesuatu yang produktif, sekiranya kita sudah bersedia untuknya, dan sanggup menyesuaikan diri," tambahnya.

Sidang Kemuncak ke-lapan Dunia Seni dan Budaya Kuala Lumpur 2019 sedang berlangsung di Kuala Lumpur Performing Arts Centre dari 11 sehingga 14 Mac dengan tema "Mobile Minds: Culture, Knowledge & Change", anjuran bersama

International Federation of Arts and Culture (IFACCA) serta Jabatan Kebudayaan dan Kesenian negara (JKKN).

Dengan penyertaan lebih daripada 60 negara, sidang kemuncak itu akan memberi peluang bagi mengukuhkan masyarakat sivil, menggalakkan kerjasama antara pertubuhan bukan berasaskan keuntungan dan sektor kerajaan, dan melengkapkan interaksi antara artis, organisasi serta institusi seni.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/467504>